(LMA5394) (Modified for Insurance Policy)

The whole of this Policy (with the documents in the definition of Policy) shall be read together as one contract.

IMPORTANT NOTICE

Please read this Policy and its Conditions. If anything is not correct, please return it immediately so that we can amend it.

This policy is written in English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version the English version shall prevail.

POLISI FLEXI PLAN

Anda, selaku Pemegang Polisi, telah memohon insurans yang dinyatakan di sini serta membuat cadangan dan akuan yang akan menjadi sebahagian daripada kontrak ini. Anda telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium sebagai balasan untuk insurans yang disediakan.

The Pacific Insurance Berhad (kami) akan, di bawah terma, syarat dan pengecualian yang dinyatakan di sini:

- i. membayar Anda manfaat, atau
- ii. jika Anda meninggal dunia, kami akan membayar kepada penama anda atau wakil diri sah anda,

bagi peristiwa-peristiwa yang dinyatakan dalam Polisi yang berlaku dalam tempoh insurans. Supaya mana-mana Manfaat di bawah Polisi ini dapat dibayar oleh kami, Anda mestilah mematuhi semua terma, syarat dan pengecualian yang dinyatakan di sini atau dalam mana-mana endorsemen.

BAHAGIAN I : MANFAAT

SEKSYEN A: KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

Kami akan membayar Jumlah Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual selaras dengan Skala Manfaat yang dinyatakan di bawah jika Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Kekal disebabkan kecederaan badan akibat Kemalangan. Kecederaan badan itu mesti berlaku dalam tempoh insurans dan mesti merupakan satu-satunya sebab dan bebas daripada sebab lain menyebabkan kematian atau Hilang Upaya Kekal Orang Yang Diinsuranskan. Kami hanya akan membayar Manfaat jika kematian akibat Kemalangan itu berlaku atau Hilang Upaya Kekal itu bermula dalam tempoh 12 bulan kalendar dan Kemalangan itu.

SKALA MANFAAT

MANFAAT	PERATUSAN JUMLAH DIINSURANSKAN/JUMLAH DIINSURANSKAN YANG BERKURANGAN
Kematian	100%
Hilang Upaya Kekal	
Hilang dua anggota	100%
Hilang kedua-dua tangan, atau semua jari dan kedua-dua-ibu jari	100%
Hilang Penglihatan kedua-dua belah mata	100%
Kelumpuhan Menyeluruh	100%
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	100%
Hilang tangan pada bahu	100%
Hilang tangan di antara bahu dan siku	100%
Hilang tangan pada siku	100%
Hilang tangan di antara siku dan pergelangan tangan.	100%
Hilang tangan pada pergelangan tangan	100%
Hilang kaki - pada punggung	100%
- di antara lutut dan punggung	100%
- di antara lutut dan pergelangan kaki	100%
Mata: Hilang - seluruh mata	100%
- semua penglihatan pada satu sebelah mata	100%
- semua penglihatan pada satu sebelahmata kecualipersepsi cahaya	50%
- kanta pada satu sebelah mata	50%
Hilang empat jari dan ibu jari pada satu sebelah tangan	50%
Hilang empat jari	40%
Hilangibujari - kedua-dua ruas jari	25%
- satu ruas jari	10%
Hilang jari telunjuk - tiga ruas jari	12%
- dua ruas jari	8%
- satu ruas jari	4%
Hilang jari hantu - tiga ruas jari	8%
- dua ruas jari	4%
- satu ruas jari	2%
Hilang jari manis - tiga ruas jari	6%
- dua ruas jari	4%
- satu ruas jari	2%
Hilang jari kelengkeng - tiga ruas iari	6%
- dua ruas jari	4%
- satu ruas jari	2%

Hilang metakarpus	- pertama atau kedua (tambahan)	3%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Hilang jari kaki	- semua	18%
	- ibu kaki, kedua-dua ruas jari	6%
	- ibu kaki, satu ruas jari	3%
	- jari kaki lain (setiap)	2%
Patah kaki atau patela yang tidak dapat disatukan		10%
Pemendekan kaki sekurang-kurangnya 2.5cm		8%
Hilang Pendengaran	- kedua-dua belah telinga	75%
	- satu sebelah telinga	15%
Hilang Pertuturan		50%

Jika kecederaan itu tidak dinyatakan dalam Skala Manfaat di atas, kami boleh menggunakan peratusan hilang upaya yang, pada pendapat kami, selaras dengan skala yang dinyatakan di atas.

Berkenaan dengan perlindungan anda,

Jumlah kesemua peratusan yang akan dibayar kepada Anda bagi mana-mana satu Kemalangan tidak akan melebihi 100%. Jika di bawah perlindungan anda, kami telah membayar 100% Jumlah Diinsuranskan, maka semua insurans di bawah Polisi ini (termasuk bagi mana-mana perlindungan yang telah Anda ambil untuk Suami atau Isteri dan/atau Anak anda) akan tamat dan kami tidak akan membayar apa-apa manfaat lagi. Jika kerugian itu lebih kecil daripada 100%, ia akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan sebanyak amaun itu. Jika ini diaplikasikan, mana-mana Manfaat bagi mana-mana Kemalangan lain, akan berdasarkan Jumlah Diinsuranskan yang berkurangan ini (termasuk bagi mana-mana perlindungan yang mungkin telah Anda ambil untuk Suami atau Isteri dan atau Anak anda di bawah Polisi ini).

Jika Anda telah mengambil perlindungan untuk Suami atau Isteri dan/atau Anak,

Jumlah kesemua peratusan yang akan dibayar kepada Suami atau Isteri dan/atau Anak anda bagi mana-mana satu Kemalangan masing-masing tidak akan melebihi 100%. Jika di bawah perlindungan mereka, kami telah membayar 100% Jumlah Diinsuranskan untuk Suami atau Isteri dan/atau Anak, maka semua insurans di bawah Polisi ini akan tamat bagi Suami atau Isteri dan/atau Anak itu dan kami tidak akan membayar apa-apa manfaat lagi. Jika kerugian bagi Suami atau Isteri dan/atau Anak itu lebih kecil daripada 100%, ia akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan untuknya sebanyak amaun itu. Jika ini diaplikasikan, mana-mana Manfaat untuk Suami atau Isteri dan/atau Anak bagi mana-mana Kemalangan lain, akan berdasarkan Jumlah Diinsuranskan berkurangan ini.

SEKSYEN B: PENDAPATAN HOSPITAL (MANFAAT OPSYENAL)

Kami akan membayar Pendapatan Hospital seperti yang dinyatakan dalam Jadual bagi Kemasukan ke Hospital akibat kecederaan badan yang dialami dalam tempoh insurans dan disebabkan, secara langsung dan bebas daripada apa-apa sebab lain, oleh Kemalangan. Pendapatan Hospital hanya akan dibayar jika Kemasukan ke Hospital berlaku dalam tempoh 14 hari dari Kemalangan. Pendapatan Hospital hanya akan dibayar sehingga 100 hari bagi setiap Kemalangan. Kami menganggap beberapa tempoh Kemasukan ke Hospital, kerana sebab yang sama, sebagai akibat daripada satu Kemalangan.

SEKSYEN C: INDEMNITI BERGANDA

Kami akan membayar dua kali ganda Jumlah Diinsuranskan atau Jumlah Diinsuranskan yang Berkurangan (sepertimana kes yang mungkin berlaku) Manfaat dalam Seksyen A (tidak termasuk Bonus Pembaharuan, jika ada) jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan akibat Kemalangan, yang secara langsung dan bebas daripada sebab lain, menyebabkan kematian Orang Yang Diinsuranskan, Kelumpuhan Menyeluruh atau hilang dua anggota dalam tempoh 12 bulan kalendar dari tarikh Kemalangan. Kemalangan itu mestilah berlaku dalam tempoh insurans dan semasa Orang Yang Diinsuranskan mengembara (di dalam pesawat udara komersial sahaja, jika mengembara dengan kapal terbang) sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam mana-mana Pengangkutan Awam.

Jika tuntutan telah dibayar di bawah Seksyen ini, maka tiada manfaat akan dibayar di bawah Seksyen A bagi mana-mana kejadian.

SEKSYEN D: MANFAAT MINGGUAN (MANFAAT OPSYENAL)

Kami akan membayar amaun mingguan seperti yang dinyatakan dalam Jadual jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan akibat Kemalangan, yang merupakan satu-satunya sebab dan bebas daripada sebab lain, menyebabkan Orang Yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Sementara yang berlaku dalam tempoh 21 hari dari Kemalangan. Kemalangan itu mesti berlaku dalam tempoh insurans. Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Sementara hanya akan dibayar sehingga 104 minggu dari tarikh Orang Yang Diinsuranskan mula-mula diperiksa oleh seorang Doktor.

Walau bagaimanapun, jika mana-mana seksyen (selain daripada Seksyen B, E dan H) Bahagian I Polisi ini perlu dibayar, Manfaat di bawah seksyen ini tidak lagi akan dibayar bagi kecederaan badan yang sama.

Manfaat Mingguan ini hanya diaplikasikan untuk Anda dan Suami atau Isteri anda sahaja dan bukan untuk Anak anda.

SEKSYEN E: PERBELANJAAN PERUBATAN

Kami akan membayar balik perbelanjaan perubatan dan pembedahan berdasarkan bil, resit atau inuis asal, yang kami rasa perlu dan munasabah. Kami tidak akan membayar lebih daripada amaun yang telah Anda pilih, seperti yang dinyatakan dalam Jadual, bagi mana-mana satu Kemalangan. Kami hanya akan membayar di bawah Manfaat ini jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan yang semata-mata dan bebas daripada sebab lain disebabkan oleh Kemalangan, yang memerlukan rawatan perubatan oleh seorang Doktor. Rawatan itu mestilah dijalankan dalam tempoh 12 bulan kalendar selepas tarikh Kemalangan asalkan perbelanjaan pertama ditanggung dalam tempoh 26 minggu selepas tarikh Kemalangan.

Walau bagaimanapun, jika Anda atau Orang Yang Diinsuranskan layak mendapat bayaran balik kesemua atau sebahagian daripada perbelanjaan itu daripada mana-mana sumber lain, kami hanya akan membayar baki amaun yang tidak dibayar oleh sumber lain itu (jika ada).

SEKSYEN F: ELAUN BELAS IHSAN

Kami akan membayar amaun yang dinyatakan dalam Jadual jika dalam tempoh insurans Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan yang hanya dan bebas daripada sebab lain disebabkan oleh Kemalangan dan menyebabkan kematian Orang Yang Diinsuranskan.

SEKSYEN G: PERBELANJAAN PENGHANTARAN PULANG

Kami akan membayar balik perbelanjaan menghantar mayat Orang Yang Diinsuranskan balik ke Malaysia atau negara di mana dia tinggal, berdasarkan bil, resit atau invoice asal. Kami tidak akan membayar lebih daripada amaun yang dinyatakan dalam Jadual. Kami akan membayar Manfaat ini jika, semasa mengembara di luar Malaysia atau negara di mana dia tinggal, Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan akibat Kemalangan yang hanya dan bebas daripada sebab lain menyebabkan kematian Orang Yang Diinsuranskan.

Walau bagaimanapun, jika Anda atau Orang Yang Diinsuranskan layak mendapat bayaran balik kesemua atau sebahagian daripada perbelanjaan itu daripada mana-mana sumber lain, kami hanya akan membayar baki amaun yang tidak dibayar oleh sumber lain itu (jika ada).

SEKSYEN H: PROSTESIS DAN KERUSI RODA

Jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan akibat Kemalangan yang semata-mata dan bebas daripada sebab lain menyebabkannya terpaksa bergantung pada mana-mana prosthesis (misalnya, topang ketiak dan/atau anggota palsu) dan/atau kerusi roda untuk bergerak, kami akan membayar Anda sehingga amaun yang dinyatakan dalam Jadual untuk membeli peralatan tersebut jika disyorkan oleh seorang Doktor. Kami akan membayar balik perbelanjaan berdasarkan bil, resit atau invoice asal.

SEKSYEN I: MANFAAT KEMATIAN DISEBABKAN DEMAM DENGGI BERDARAH

Kami akan membayar Manfaat Kematian sebanyak RM5000 jika Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia disebabkan Demam Denggi Berdarah yang didiagnosis dalam tempoh insurans. Kami hanya akan membayar Manfaat ini jika kematian berlaku selepas 30 hari dari Tarikh Berkuat Kuasa Polisi.

Semua tuntutan mesti disokong oleh sijil kematian rasmi, di mana sebab kematian yang dinyatakan padanya ialah Demam Denggi Berdarah.

BAHAGIAN II : PERUNTUKAN TAMBAHAN KHAS

1. BONUS PEMBAHARUAN

Kami akan memberi Bonus Pembaharuan sebanyak 5% daripada Jumlah Diinsuranskan asal bagi Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan dalam Seksyen A Bahagian I Polisi ini setiap kali Anda membaharui Polisi ini jika:

- Anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan di bawah Seksyen A Bahagian I Polisi ini dalam tahun polisi sebelumnya; dan
- Polisi ini tidak luput dalam mana-mana tahun polisi.

Ini akan diaplikasikan sehingga maksimum lapan tahun. Oleh yang demikian, Manfaat tersebut boleh meningkat sehingga maksimum 40% daripada Jumlah Diinsuranskan asal. Anda akan kehilangan mana-mana Bonus Pembaharuan jika Anda membuat sebarang tuntutan di bawah Seksyen A Bahagian I Polisi ini. Anda akan layak mendapat Bonus Pembaharuan yang baru semula selepas tarikh pembaharuan berikutnya.

Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain lagi yang mungkin kami katakan dalam Polisi ini atau dalam mana-mana polisi kemalangan diri lain dengan ciri Bonus Pembaharuan yang Anda atau Suami atau Isteri anda ada dengan kami, Bonus Pembaharuan maksimum yang dibenarkan bagi setiap hayat di bawah semua Polisi dengan kami tidak akan lebih daripada RM400,000.

Peruntukan Bonus Pembaharuan ini hanya diaplikasikan untuk Anda dan Suami atau Isteri anda sahaja dan bukan untuk Anak anda.

2. KEHILANGAN

Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain lagi yang mungkin kami katakan dalam perenggan 3 Syarat 5 Bahagian V Polisi ini, jika mayat Orang Yang Diinsuranskan tidak ditemui dalam masa setahun selepas tarikh kehilangannya ekoran Kemalangan, kami boleh (jika kami berpuas hati dengan bukti yang ada) menerima bahawa Orang Yang Diinsuranskan telah meninggal dunia dan membayar Manfaat kematian. Walau bagaimanapun, jika pada bila-bila masa selepas bayaran dibuat, kami mendapati bahawa Orang Yang Diinsuranskan sebenarnya masih hidup, Anda perlu membayar balik Manfaat kematian itu kepada kami serta-merta.

3. PENDEDAHAN

Jika ekoran sesuatu Kemalangan, Orang Yang Diinsuranskan tidak dapat mengelak daripada terdedah kepada unsur-unsur semula jadi dan secara langsung disebabkan pendedahan ini dia mengalami kecederaan seperti yang dinyatakan dalam Skala Manfaat, kami akan menganggap kecederaan itu sebagai tuntutan tetapi hanya di bawah Seksyen A Bahagian I Polisi ini.

4. PERLINDUNGAN KEGANASAN

Manfaat dalam Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang Yang Diinsuranskan bagi kematian atau kecederaan badan disebabkan atau akibat daripada Tindakan Keganasan. Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain lagi yang mungkin kami katakan dalam takrif Tindakan Keganasan dalam Polisi ini, Tindakan Pengganas tidak termasuk tindakan Keganasan Nuklear, Kimia dan Biologi.

Di mana kami nyatakan di bawah syarat perlindungan ini, mana-mana kematian atau kecederaan badan tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban membuktikan bahawa ia dilindungi adalah terletak pada Anda (atau wakil diri sah anda) dalam mana-mana tindakan undang-undang, guaman atau prosiding lain. Supaya suatu tuntutan dibayar di bawah Klausula ini, Anda (atau wakil diri sah anda) perlu membuktikan bahawa kematian atau kecederaan badan itu (termasuk sakit dan kecederaan badan) atau kejadian lain adalah dilindungi oleh Klausula ini.

5. Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kecederaan badan atau kematian Orang Yang Diinsuranskan Akibat daripada atau disebabkan oleh mana-mana peristiwa berikut:

- Bencana/Malapetaka Alam** seperti gempa bumi, banjir, kilat, ribut angin, letusan gunung berapi, ombak gadang, ribut taufan, siklon atau taufan.
- Pembunuhan atau Serangan**, tetapi perluasan ini tidak diaplikasikan jika kejadian itu disebabkan oleh provokasi Orang Yang Diinsuranskan.
- Mogok, Rusuhan dan Kekacauan Awam** yang tidak melarat menjadi pemberontakan awam, tetapi perluasan ini tidak akan diaplikasikan jika Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri mengambil bahagian dalam kejadian ini.

- (d) **Lemas Akibat Kemalangan atau Sesak Nafas Akibat Kemalangan** oleh asap, wasap atau gas beracun.
- (e) **Keracunan Makanan dan Minuman Yang Tidak Disengajakan.**
- (f) **Gigitan binatang atau serangga yang tidak disengajakan** yang bukannya disebabkan provokasi Orang Yang Diinsuranskan.

i. Kecelakaan Badan atau Kematian

Jika Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia akibat gigitan itu, kematian itu mestilah dalam masa 48 jam dari berlakunya gigitan. Perluasan kecederaan badan atau kematian tidak diterima pakai untuk Denggi atau Malaria tetapi hak anda untuk membuat tuntutan bawah Seksyen 1 Bahagian T Polisi ini (Manfaat Kematian Disebabkan Demam Denggi Berdarah) tidak akan dipengaruhi.

ii. Perbelanjaan Perubatan

Manfaat Perbelanjaan Perubatan di atas akan diaplikasi untuk perluasan ini (termasuk denggi atau malaria).

6. Klausula Penyelaman Menggunakan Alat Untuk Bernafas Di Dalam Air

Dengan ini dideklarasikan dan disetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Pemegang Polisi/Orang Yang Diinsuranskan semasa menyertai atau terlibat di dalam penyelaman menggunakan alat untuk bernafas di air atau penggunaan alat paru-paru air sebagai seorang amatir.

Dengan syarat syarikat akan sentiasa tidak bertanggungjawab bagi kematian atau hilang upaya atau pampasan atau kerugian jika aktiviti sebegini dilakukan pada tahap melebihi 30 meter di bawah paras air atau pada peringkat profesional atau dalam sebarang bentuk pertandingan atau pameran atau demonstrasi atau perburuan harta karun.

BAHAGIAN III: PENGECUALIAN

A. PENGECUALIAN AM

Polisi ini tidak melindungi sebarang kecederaan atau hilang upaya atau sebarang kerugian lain yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut dan kami tidak akan membayar apa-apa manfaat berkaitan dengannya:

- i. peperangan, pencerobohan, tindakan musuh luar, permusuhan atau operasi seakan perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, kekacauan awam yang mengambil bentuk atau sama seperti pemberontakan awam, kebangkitan tentera, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, pakatan sulit, pemerintahan tentera atau keadaan terkepung, kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan dengan kegiatan yang ditujukan ke arah menggulingkan mana-mana Kerajaan de jure atau de facto secara kekerasan atau mempengaruhinya secara keganasan, perampasan atau pemilikan negara atau rekuisisi atau pemusnahan atau kerosakan pada harta benda oleh atau di bawah perintah mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak diterima pakai untuk mana-mana manfaat dalam Polisi ini yang secara langsung disebabkan oleh Tindakan Pengganas seperti yang dilindungi di bawah Perlindungan Keganasan di atas;
- ii. bahan senjata nuklear, bahan pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear dan bagi pengecualian ini, pembakaran termasuklah proses belahan atau lakuran nuklear selenggara diri;
- iii. semasa mengembara dengan menaiki pesawat udara sebagai juruterbang atau anak kapal, kecuali hanya sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat udara komersial yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang. Bagi tujuan pengecualian ini, Orang Yang Diinsuranskan juga tidak akan dilindungi di bawah Polisi ini jika dia terlibat dalam mana-mana operasi teknikal atau navigasi semasa di dalam pesawat udara itu;
- iv. pengembaraan semasa menaiki helikopter;
- v. sebarang jenis wabak, jangkitan, sakit atau penyakit. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak termasuk Demam Denggi Berdarah bagi manfaat yang dinyatakan dalam Bahagian I Seksyen. 1 di atas (Manfaat Kematian disebabkan Demam Denggi Berdarah);
- vi. sebarang Penyakit Sedia Ada, serta sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada;
- vii. melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi yang berkaitan dengan mana-mana daripadanya;
- viii. ketaksiuman, bunuh diri, percubaan bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau kecederaan diri yang disengajakan / tidak disengajakan atau percubaan untuk berbuat demikian semasa siuman atau tidak siuman, atau rawatan pergigian (kecuali diperlukan kerana kecederaan yang dialami akibat Kemalangan), kecelaruan mental dan gangguan saraf;
- ix. pendedahan sengaja kepada bahaya selain daripada dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia;
- x. narkotik atau dadah (melainkan dadah yang dipreskripsikan oleh Doktor);
- xi. pembunuhan atau serangan yang diprovokasi;
- xii. semasa melakukan atau tuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang, perbuatan niat jahat atau perbuatan sengaja, termasuk menentang daripada ditahan;
- xiii. semasa menyertai sebarang jenis perlumbaan (selain lumba lari dan lumba jalan kaki), penentuan kecepatan, ujian atau percubaan kelajuan atau kebolehpercayaan;
- xiv. semasa menyertai sebarang sukan profesional;
- xv. semasa menyertai sebarang aktiviti sukan udara (seperti peluncuran gantung, menaiki belon udara, terjun dengan payung terjun, terjun udara, terjun bungee atau aktiviti seumpamanya), sukan musim sejuk atau sukan air, hoki ais, penggunaan gerobak luncur, luge atau kereta luncur salji, lumba berhalang, aktiviti dalam air yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan melebihi kedalaman 30 meter, senimempertahankan diri, tinju, mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya lain;
- xvi. semasa menggunakan mesin kerja kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanikal kecuali alat-alat mudah alih yang menggunakan tangan dan digunakan semata-mata untuk tujuan persendirian tanpa ganjaran. Pengecualian ini tidak diaplikasi jika Orang Yang Diinsuranskan diambil bekerja untuk mengendalikan mesin kerja kayu sebagai fungsi kerjanya;
- xvii. Sebarang penyakit yang dijangkiti melalui hubungan kelamin; dan/atau
- xviii. Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau macam mana pun sindrom ini diperoleh atau dinamakan;

- B. Selain Pengecualian Am di atas, Manfaat di bawah Seksyen B dan E tidak melindungi sebarang kecederaan atau hilang upaya atau sebarang kerugian lain yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut dan kami tidak akan membayar apa-apa manfaat berkaitan dengannya:
- pemeriksaan kesihatan rutin atau perundingan yang bukannya akibat daripada Kemalangan;
 - pembedahan kosmetik atau plastik, jagaan dan rawatan pergigian, pendermaan organ dan tisu, penukaran jantina serta pembedahan tinjau periksa atau pembedahan eksperimen atau sebarang prosedur elektif lain selain daripada prosedur perubatan yang perlu dilakukan kerana kecederaan, pembedahan atau penyakit yang disebabkan oleh Kemalangan.
 - ujian atau rawatan berkaitan dengan ketaksuburan, pencegahan kehamilan, pemandulan, kecacatan kelahiran, penyakit kongenital, keadaan keturunan, berkhatan atau sebarang pengguguran yang dijalankan kerana sebab psikologi atau sosial, serta akibat yang berkaitan dengan mana-mana daripadanya; dan atau
 - rawatan penyakit mental dan penyakit jiwa, kecederaan diri yang disengajakan semasa siuman, percubaan bunuh diri, penyalahgunaan alkohol, serta ketagihan dan penyalahgunaan dadah.

BAHAGIAN IV : TAKRIFAN

Dalam Polisi ini, melainkan kami mengatakan sesuatu yang lain atau melainkan is sepatutnya dalam keadaan itu difahami dengan maksud yang lain, setiap istilah yang dinyatakan di bawah akan membawa maksud berikut:

Anda bermaksud orang yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi dalam Jadual mesti berumur di antara 16 hingga 65 tahun.

Orang Yang Diinsuranskan bermaksud orang yang masing-masing dinamakan dalam Jadual sebagai Orang Yang Diinsuranskan.

Kemalangan bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka dan tertentu yang berlaku pada masa dan tempat yang boleh dikenal pasti.

Agen Biologi bermaksud sebarang mikroorganisma patogen (yang menyebabkan penyakit) dan atau toksin yang terhasil secara biologi (termasuk organisma ubahsuai genetik dan toksin sintesis kimia) yang menyebabkan penyakit dan atau kematian pada manusia, haiwan atau tumbuh-tumbuhan.

Agen Kimia bermaksud sebarang sebatian yang apabila disebarkan dengan cara yang sesuai, menghasilkan kesan yang melumpuhkan, merosakkan atau membawa maut ke atas manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan atau harta benda.

Anak bermaksud anak anda yang belum berkahwin yang berumur di antara 12 bulan hingga 18 tahun, yang tidak bekerja untuk mendapatkan upah atau keuntungan, dan yang banyak bergantung pada Anda untuk nafkah dan sara hidup. Ini termasuk anak kandung anda dan Suami atau Isteri anda, anak tiri atau anak angkat sah yang namanya dicetak dalam Jadual atau endorsemen yang dilampirkan padanya. Tanpa mengambil kira apa-apa perkara lain lagi yang mungkin kami katakan dalam Polisi ini, kami hanya akan melanjutkan had umur sehingga hari lahir Anak yang ke-24 tahun jika dia sebagai pelajar sepenuh masa di sekolah atau institusi pengajian tinggi.

Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan dan dilesenkan untuk mengamalkan perubatan Barat. Dalam memberikan rawatan itu, mereka mestilah mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihan mereka di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Orang ini tidak boleh merupakan Anda, Orang Yang Diinsuranskan, Suami atau Isteri Orang Yang Diinsuranskan atau Suami atau Isteri anda atau saudara dekat.

Hospital bermaksud institusi sah yang beroperasi terutamanya, dan memegang lesen sah (jika dikehendaki oleh undang-undang), untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera, dan yang:

- di bawah penyeliaan dan mempunyai kakitangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah;
- menyediakan khidmat jagaan 24 jam sehari oleh jururawat berdaftar dan siswazah dengan sekurang-kurangnya seorang jururawat profesional berdaftar bertugas pada setiap masa;
- mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama; dan
- bukannya klinik, tempat untuk orang ketagih alkohol atau dadah, rumah penjagaan, rumah rehat atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pertubuhan seumpamanya.

Kemasukan ke Hospital bermaksud dimasukkan ke Hospital sekurang-kurangnya enam jam berterusan dan caj bilik dan penginapan dibuat oleh Hospital berkaitan dengan kemasukan itu.

Suami atau Isteri bermaksud suami atau isteri anda yang mesti berumur di antara 16 hingga 65 tahun dan tidak berpisah atau bercerai secara sah dengan Anda. Hanya suami atau isteri yang dinamakan dalam Jadual sahaja akan dilindungi.

Hilang Pendengaran bermaksud ketidakupayaan menyeluruh, kekal dan tidak boleh pulih untuk mendengar.

Hilang Penglihatan bermaksud hilang penglihatan menyeluruh, kekal dan tidak boleh pulih pada mata.

Hilang Pertuturan bermaksud ketidakupayaan menyeluruh, kekal dan tidak boleh pulih untuk berkomunikasi secara lisan.

Hilang Penggunaan bermaksud mengalami ketidakupayaan menyeluruh, kekal dan tidak boleh pulih untuk berfungsi dan dianggap seperti hilang menyeluruh anggota.

Keganasan Nuklear, Kimia dan Biologi bermaksud penggunaan sebarang senjata atau peranti nuklear atau pelepasan, buangan, serakan, luahan atau larut resap mana-mana Agen Kimia pepejal, cecair atau gas dan atau Agen Biologi semasa Polisi ini berkuat kuasa oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, dilakukan bagi tujuan atau sebab politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan atau menimbulkan ketakutan di kalangan orang ramai atau mana-mana kumpulan orang ramai.

Hilang Upaya Kekal bermaksud putus dan/atau Hilang Penggunaan anggota.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal bermaksud hilang upaya akibat Kemalangan, dan Orang Yang Diinsuranskan pada tarikh hilang upaya itu dan pada bila-bila masa selepas itu menjadi kurang upaya sepenuhnya dan buat selama-lamanya dan tidak berupaya langsung untuk melakukan atau menguruskan sebarang pekerjaan bagi mendapatkan upah.

Polisi bermaksud perjanjian ini, borang cadangan, sebarang endorsemen dan Jadual yang dilampirkan padanya, sebarang pindaan yang telah kami tandatangani dan permohonan yang Anda buat. Polisi tersebut akan menjadi kontrak antara Anda dan kami.

Penyakit Sedia Ada bermaksud keadaan, penyakit atau kecederaan yang Orang Yang Diinsuranskan mengetahui sewajarnya mengenai keadaan tersebut sebelum Polisi ini berkuat kuasa. Orang Yang Diinsuranskan akan dianggap mengetahui sewajarnya mengenai keadaan, penyakit atau kecederaan Sedia Ada itu apabila:

- (a) Orang Yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- (c) simptom yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
- (d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang waras yang mengalami keadaan itu.

Pengangkutan Awam bermaksud kaedah pengangkutan berlesen yang sedia ada untuk orang ramai yang membawa penumpang dari satu tempat ke satu tempat yang lain sebagai tujuan utamanya. Ia bukanlah Pengangkutan Awam, jika pada pendapat kami, tujuan utamanya ialah untuk riadah atau hiburan penumpang semasa mereka menaiki pengangkutan itu.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Sementara bermaksud hilang upaya sementara akibat Kemalangan dan Orang Yang Diinsuranskan, dalam tempoh hilang upaya ini, menjadi kurang upaya sepenuhnya dan tidak berupaya langsung untuk melakukan atau menguruskan sebarang pekerjaan bagi mendapatkan upah.

Tindakan Pengganas bermaksud sebarang penggunaan sebenar atau ancaman penggunaan kekerasan atau keganasan yang diarahkan.

Hilang Penglihatan bermaksud hilang penglihatan menyeluruh, kekal dan tidak boleh pulih pada mata.

Hilang Pertuturan bermaksud ketidakupayaan menyeluruh, kekal dan tidak boleh pulih untuk berkomunikasi secara lisan.

BAHAGIAN V : SYARAT

1. PERUBAHAN

Anda mesti menulis surat dan memberitahu kami dengan segera mengenai sebarang pertukaran alamat, pekerjaan, profesion, tugas, kegiatan, hubungan perkahwinan (jika Suami atau Isteri anda juga diinsuranskan di bawah Polisi ini) atau apa-apa perubahan lain yang berkaitan. Anda mesti berbuat demikian sepanjang tempoh Polisi ini dan sebelum Anda membaharui Polisi ini. Anda juga mesti memberitahu kami mengenai sebarang kecederaan, sakit, penyakit, kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang menimpa Orang Yang Diinsuranskan atau yang Orang Yang Diinsuranskan mengetahui mengenainya. Anda mesti mengalamatkan notis tersebut kepada Cawangan Tempatan kami yang terdekat dan/atau Ibu Pejabat kami. Kami boleh mengubah terma dan syarat Polisi ini dari tarikh perubahan kepada sebarang keadaan anda. Pindaan pada Terma-terma Polisi ini atau sebarang Endorsemen padanya tidak akan sah melainkan iaditandatangani oleh wakil kami yang diberi kuasa.

2. PEMBATALAN

- (a) Kami boleh, pada bila-bila masa, memberi Anda notis tujuh hari ke alamat terakhir Anda yang diketahui untuk membatalkan Polisi ini. Jika kami berbuat demikian, kami akan mengembalikan sebahagian daripada premium bagi tempoh perlindungan yang belum digunakan.
- (b) Anda juga boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi kami notis tujuh hari. Sebarang bayaran balik premium jika perlu dibuat kepada Anda akan dibayar, tolak premium yang dikenakan menurut Kadar Tempoh Pendek kami di bawah.

Tempoh insurans tidak melebihi	Peratusan premium tahunan yang akan dikenakan
2 bulan	35%
3 bulan	45%
4 bulan	55%
5 bulan	65%
6 bulan	75%
melebihi 6 bulan	100%

Tertakluk kepada minima premium RM60 yang akan disimpan oleh kami.

3. KETAKSERAHAN

Melainkan kami mengatakan sebaliknya dalam endorsemen pada Polisi ini, kami akan menganggap Anda sebagai pemilik mutlak Polisi ini. Kami tidak perlu mengiktiraf mana-mana tuntutan lain ke atas atau kepentingan dalam Polisi ini daripada orang lain. Wakil diri sah anda atau penerimaan anda akan menjadi pelepasan penuh obligasi kami.

4. AKIBAT SALAH NYATAAN DAN TUNTUTAN PALSU

Jika mana-mana jawapan, kenyataan atau maklumat yang Anda berikan sebelum Polisi dibuat, diubah atau diperbaharui didapati palsu atau mengelirukan atau jika Anda gagal untuk mendedahkan seperti yang dikehendaki, kami berhak untuk mengelak Polisi ini atau menjalankan mana-mana hak yang sedia ada untuk kami di dalam Jadual 9 daripada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Jika mana-mana tuntutan yang dibuat adalah secara penipuan atau ditokok tambah, atau sebarang pengisytiharaan yang palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, kami berhak untuk mengelak Polisi ini.

5. PROSEDUR TUNTUTAN

Jika berlaku Kemalangan yang kemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Anda mesti memberi kami notis dalam masa 14 hari dari berlakunya Kemalangan. Notis tersebut mestilah memberikan butir-butir lengkap mengenai Kemalangan dan kecederaan. Anda mesti, secepat yang mungkin, mendapatkan atau bertindak berdasarkan nasihat perubatan atau pembedahan yang sewajarnya.

Anda (atau wakil diri sah anda) mesti memberi kami semua sijil, maklumat, bukti dan laporan perubatan yang kami kehendaki. Anda perlu membayar apa-apa kos yang terlibat semasa berbuat demikian. Jika Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia, kami berhak menjalankan pembedahan bedah siasat (yang akan kami bayar untuknya). Notis terdahulu mestilah diberi kepada kami bersama butir-butir pengebumian atau pembakaran mayat, serta masa dan tempat sebarang inkuas.

Jika Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia, kami akan memerlukan Sijil Kematian Rasmi. Jika Orang Yang Diinsuranskan hilang selepas sesuatu Kemalangan atau kehilangan menyeluruh kapal atau pesawat udara, kami akan memerlukan bukti bertulis atau keputusan rasmi daripada Pihak Berkuasa Yang Berkaitan mengandaikan kematian Orang Yang Diinsuranskan.

6. HAD UMUR

Kami mungkin membenarkan Anda untuk membaharui Polisi ini sehingga Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun.

7. TIMBANGTARA

Jika timbul sebarang pertikaian mengenai Polisi ini, hal itu hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh Anda dan kami. Jika Anda dan kami tidak bersetuju dengan keputusan seorang Penimbangtara, Anda dan kami masing-masing boleh melantik seorang Penimbangtara, dalam tempoh satu bulan kalendar dari dikehendaki berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi. Jika kedua-dua Penimbangtara itu tidak dapat bersetuju dengan sesuatu keputusan, Wasit, yang akan dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-penimbangtara itu sebelum Penimbangtaraan, akan membuat keputusan muktamad. Award oleh Penimbangtaraan akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang hak tindakan terhadap kami. Jika kami memutuskan kami tidak bertanggungjawab terhadap sesuatu tuntutan dan ia tidak dibawa ke Penimbangtaraan dalam tempoh 12 bulan dari keputusan kami itu, kami akan mengandaikan tuntutan itu telah ditinggalkan dan tidak boleh didapatkan kembali.

Kami tidak bertanggungjawab terhadap Kematian atau Kehilangan atau Hilang Upaya selepas tamatnya tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan melainkan kami menerima liabiliti bagi Tuntutan atau Tuntutan dalam pada itu telah dirujuk kepada Penimbangtaraan.

8. PEMATUHAN SYARAT

Kami hanya akan membayar Tuntutan di bawah Polisi ini jika Anda dan atau mana-mana pihak yang menuntut mematuhi semua terma, syarat dan endorsement Polisi ini.

9. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Ia adalah suatu syarat yang asas dan khusus yang mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang terhutang mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula atau diperbaharui. Jika Anda tidak mematuhi syarat ini, Polisi ini akan dibatalkan atau tamat tempoh secara automatik, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sekiranya Syarikat menerima notis anda untuk memperbaharui Polisi ini sebelum tamat tempohnya, tempoh ihsan selama 60 hari dari tamat tempoh Polisi ini ("Tempoh Ihsan") akan diberikan kepada Anda untuk pembayaran premium yang terhutang. Jika Syarikat menerima premium yang terhutang dalam Tempoh Ihsan, Syarikat boleh mengembalikan semula dan memperbaharui Polisi ini dari tarikh tamat tempoh.

Jika ejen kami yang diberi kuasa menerima premium yang perlu dibayar, kami akan menganggap bahawa kami telah menerima premium itu. Tanggungjawab untuk membuktikan bahawa premium yang terhutang itu telah diterima oleh orang yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut akan terletak pada kami.

10. MATA WANG DAN KADAR PERTUKARAN

Anda mesti membayar semua premium dalam Ringgit Malaysia. Jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital dan atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia, dan memberi kami bil dalam mata wang yang lain daripada Ringgit Malaysia, kami akan menggunakan kadar pertukaran yang disebut itu (kadar pasaran terbuka jika pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) pada tarikh Orang Yang Diinsuranskan keluar Hospital, dan membayar sebarang tuntutan dalam Ringgit Malaysia.

11. UNDANG-UNDANG YANG DIGUNA PAKAI

Polisi ini akan ditadbir oleh Undang-undang Malaysia.

12. PERUBAHAN KEPADA POLISI

Berdasarkan kepada undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah, perintah, arahan, syarat, piawai, garis panduan dan kod amala oleh mana-mana badan berkanun atau badan yang dikawal selia oleh kerajaan atau persatuan yang mempunyai kuasa penyeliaan, bidang kuasa atau kawalan keatas kami, jika kami merasakan adalah perlu untuk membuat sebarang perubahan kepada mana-mana peruntukan didalam polisi, kami boleh berbuat sedemikian secara notis dalam apa jua bentuk kepada Anda.

13. NOTIS

Semua notis mesti secara bertulis dan akan disampaikan jika sampai atau dihantar atau ditinggalkan di alamat terakhir Anda yang diketahui atau mana-mana alamat yang Anda berikan kepada kami secara bertulis. Mana-mana notis yang dihantar melalui pos akan dianggap diterima tiga hari selepas ia diposkan, walaupun ia telah diterima atau tidak.

Kami mungkin memberi Anda notis melalui faks, e-mel, pesanan teks atau cara yang lain jika kami menganggap keadaannya adalah bersesuaian. Sebarang notis yang dihantar melalui faks dianggap sampai apabila kami menerima pengesahan transmisi. Jika notis dihantar melalui e-mel atau pesanan teks, ia dianggap dihantar pada hari pemiagaan berikutnya.

Tanpa menghiraukan apa yang mungkin disebutkan oleh kami, semua notis dan/atau tuntutan mesti dihantar kepada kami secara bertulis. Ia hanya akan dianggap diterima jika dihantar secara peribadi atau dihantar melalui pos berdaftar dialamatkan kepada Ibu Pejabat kami di Kuala Lumpur dan karni telah menerimanya. Anda mesti menyebutkan Nombor Polisi dalam mana-mana notis dan/atau tuntutan supaya ianya dianggap sah.

14. TAFSIRAN

Dalam Polisi ini, melainkan dinyatakan sebaliknya:

- a) tajuk dimasukkan bagi tujuan kemudahan sahaja dan tidak akan mempengaruhi pentafsiran Polisi ini;
- b) perkataan yang membawa maksud tunggal juga bermaksud jamak dan perkataan yang membawa maksud jamak juga bermaksud tunggal; dan
- c) perkataan yang membawa maksud sesuatu jantina juga bermaksud setiap jantina.

Setiap peruntukan Polisi ini berasingan daripada peruntukan lain. Jika satu atau lebih peruntukan menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia tidak akan menjejaskan peruntukan yang lain.

15. HAD SEKATAN DAN FASAL PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

16. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana diuraikan di bawah:

- i. Untuk memproses data peribadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.
- ii. Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, khususnya,
 - a) Penyelaras berlesen yang berdaftar,
 - b) Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans,
 - c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad
- iii. Subjek Data (pencadang) hendak dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembedulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi Anda. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. Anda boleh mengemaskinikan/membetulkan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada Kami.

17. FASAL PENGECUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT (LMA 5394)

1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa sahaja perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berhubung dengan penyakit berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau dirasakan) daripada penyakit berjangkit tanpa mengira sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau mengikut urutan lain.
2. Seperti yang digunakan disini, penyakit berjangkit bermaksud penyakit yang ditularkan melalui apa-apa bahan atau ejen dari mana-mana organisma ke organisma lain dimana :
 - 2.1 Bahan atau ejen termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
 - 2.2 Kaedah penularan sama ada secara langsung atau tidak langsung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, penularan melalui cecair badan, penularan dari atau kemana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
 - 2.3 Penyakit itu, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan pada kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta benda.

(LMA 5394) (diubahsuai untuk polisi insurans)

Keseluruhan Polisi ini (dengan dokumen dalam takrif Polisi hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak.

NOTIS PENTING

Sila baca Polisi ini dan Syarat-syaratnya. Jika terdapat sebarang kesilapan, sila kembalikannya kepada kami dengan segera untuk dipinda.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan di gunapakai.